

# Masalah Penulisan Karangan dalam Kalangan Pelajar Sijil Vokasional Malaysia di Kolej Vokasional (*The Problem in Essay Writing Among Malaysian Vocational Certificate Students in Vocational College*)

Nur Syaza Farha Diyazid<sup>1\*</sup>, Shamsudin Othman<sup>1</sup>, Halimah Jamil<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Sri Kembangan, Malaysia

\* Pengarang Koresponden: [farhasyaza@gmail.com](mailto:farhasyaza@gmail.com)

Received: 7 January 2025 | Accepted: 15 February 2025 | Published: 15 March 2025

DOI: <https://doi.org/10.55057/ajress.2025.7.1.34>

**Abstrak:** Kemahiran menulis merupakan satu kemahiran bahasa yang paling sukar untuk dikuasai dalam bahasa Melayu. Kemahiran menulis juga melibatkan penggunaan tahap kognitif yang kompleks untuk menghasilkan penulisan karangan yang berstruktur dan bermakna. Namun, pencapaian pelajar kolej vokasional dalam kemahiran menulis karangan semakin merosot melalui pemerhatian gred pentaksiran akhir. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menjadi permasalahan dalam penulisan karangan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar kolej vokasional. Kajian ini adalah berbentuk tinjauan dan menggunakan satu set soal selidik sebagai alat instrumen kajian. Seramai 80 orang pelajar Sijil Vokasional Malaysia Tahun 2 di kolej vokasional sekitar Kuala Lumpur dan Selangor telah dipilih sebagai responden. Data dianalisis menggunakan SPSS (Statistical Package for Social Science) versi 26.0. Dapatan kajian ini akan mempamerkan faktor paling dominan yang menjadi punca kepada masalah untuk menulis karangan yang cemerlang dalam pentaksiran akhir.

**Kata Kunci:** kemahiran menulis, penulisan karangan, kolej vokasional

**Abstract:** Writing is often considered the most difficult skill in the Malay language. It involves complex cognitive skills to produce a written piece that is both well-structured and meaningful. However, final examination results show a decline in vocational college students' writing skills. Therefore, this study aims to identify the factors that make Bahasa Melayu essay writing a difficult skill among vocational college students. This study is observational and utilizes a set of questionnaire as the instrument of the study. The results are analysed using descriptive analysis to identify the mean. 80 students in their second year of the Sijil Vokasional Malaysia programme from vocational college in Kuala Lumpur and Selangor took part in this study. The data was analysed using SPSS (Statistical Package for Social Science) version 26.0. The findings will show the dominant factors of difficulties in writing an excellent essay.

**Keywords:** writing skill, essay writing skill, vocational college

## 1. Pendahuluan

Usaha guru untuk melahirkan para pelajar yang mempunyai kemahiran bahasa yang cemerlang bukanlah mudah. Pelbagai cabaran dan halangan yang perlu dilalui untuk mengajar kemahiran

bahasa di dalam kelas bagi membantu meningkatkan tahap penguasaan pelajar terhadap kemahiran bahasa terutamanya dalam kemahiran menulis. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2019) iaitu para pelajar bukan sahaja diuji dari segi perkembangan idea semasa menulis, namun mereka juga turut diuji dari sudut kemampuan berbahasa, kemahiran menggunakan maklumat serta pemikiran kreatif dan penghayatan terhadap bahasa melalui pemahaman dan penulisan.

Dalam Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV), kemahiran menulis merupakan kemahiran terakhir yang perlu dikuasai selepas pelajar berjaya menguasai kemahiran membaca, kemahiran menulis dan kemahiran mendengar. Hal ini dikatakan kerana, kemahiran menulis merupakan kemahiran bahasa yang paling sukar untuk dikuasai dan setiap pelajar perlulah menguasai kemahiran bahasa yang lain dahulu dengan baik barulah mereka mampu menguasai kemahiran menulis. Nur Shakirah dan Muhammad Saiful (2017) turut menyatakan penulisan karangan dititikberatkan, kerana kekurangan dalam kemahiran ini akan membawa kepada isu pencapaian akademik. Oleh itu, bahasa merupakan wahana utama untuk menguasai ilmu pengetahuan, penguasaan pelajar.

## **2. Pernyataan Masalah**

Isu yang berkaitan dengan pembelajaran bahasa ini merupakan isu yang amat penting untuk memastikan semua mampu menghadapi cabaran dunia pekerjaan pada masa hadapan. Oleh itu, punca permasalahan dan cabaran terhadap penguasaan penulisan karangan ini perlulah dikenal pasti agar dapat membantu pelajar untuk meningkatkan kompetensi dalam kemahiran menulis.

Keupayaan untuk menguasai kemahiran bahasa yang asas akan menyebabkan pelajar bakal berhadapan dengan masalah untuk menulis karangan dengan baik. Hal ini dapat dikukuhkan lagi oleh Abdul Rasid Jamian (2011) yang menyatakan secara keseluruhannya punca pelajar yang tidak dapat menguasai kemahiran menulis karangan yang baik disebabkan oleh kegagalan pelajar menguasai kemahiran bahasa yang asas. Kegagalan ini menyebabkan para pelajar tidak berminat untuk meneruskan pembelajaran walaupun mereka mampu mengatasinya sendiri. Kenyataan ini juga selari dengan kajian yang dilaksanakan oleh Kong, Yahya dan Zamri (2017) turut menyatakan kebanyakkan murid yang masih sukar menguasai asas kemahiran menulis memberi kesan untuk menyiapkan kerja sekolah latihan karangan yang diberikan.

Kegagalan pelajar untuk menguasai kemahiran asas ini juga bukan sahaja menyebabkan motivasi pelajar terganggu, tetapi ia juga akan menyebabkan masalah untuk menghuraikan isi penting karangan yang berserta huraian dan contoh. Nurul Aisyah, Zamri & Nor Azwa (2017) menyatakan bahawa terdapat segelintir pelajar yang mengalami masalah ketandusan idea semasa mengarang hingga menyebabkan mereka tidak dapat menulis perenggan isi penting dan perenggan pendahuluan dengan baik. Farah (2019) turut menyatakan bahawa masih terdapat murid yang lemah dalam membuat huraian isi penting dan mengakibatkan isi penting tersebut tidak tepat malahan kabur serta kurang jelas. Masalah-masalah inilah yang akan menyebabkan markah dalam peperiksaan tidak baik.

Masalah kekurangan kosa kata atau perbendaharaan kata ini juga turut menjadi punca seseorang pelajar tidak mampu menulis karangan dengan baik. Kenyataan ini dapat disokong oleh Aman Syah Syed Ali dan Zamri Mahamod (2021) menyatakan antara masalah dominan yang berlaku dalam kalangan penutur natif ialah tahap penguasaan kosa kata atau perbendaharaan kata yang lemah menyukarkan seseorang karangan untuk dihasilkan. Elmy Maswandi, Wafiqah Asnola dan Zulfadzlee Zulkiflee (2022) turut menyatakan masih terdapat

pelajar yang menggunakan bahasa rojak dalam penulisan berilmiah hingga berlakunya percampuran bahasa dalam karangan.

### **3. Objektif Kajian**

Secara khususnya, kajian ini dilaksanakan berdasarkan objektif tersebut:

- i. Mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar SVM dalam penulisan karangan
- ii. Menganalisis tindakan yang sesuai untuk mengatasi masalah penulisan karangan dalam kalangan pelajar SVM.

### **4. Sorotan Kajian**

#### **4.1 Penguasaan Kemahiran Menulis Pelajar**

Elemen pelengkap dalam karangan ialah pendahuluan, isi penting dan kesimpulan. Sesebuah karangan yang ditulis dianggap tidak lengkap jika tidak mempunyai salah satu daripada tiga elemen karangan ini. Masalah ini akan menyebabkan karangan yang dihasilkan terlalu ringkas dan tidak mempunyai penutup (Ahmad Fikri Ab. Rahman dan Zamri Mahamod, 2019). Oleh itu, jika dalam peperiksaan karangan seperti ini tidak menepati ciri-ciri karangan yang cemerlang.

Penggunaan tatabahasa yang betul dalam penulisan karangan amatlah penting. Selari dengan peranan tatabahasa sebagai nadi kepada bahasa Melayu., maka pengetahuan terhadap penggunaan tatabahasa yang baik untuk menulis karangan yang gramatis amat penting. Namun, sehingga hari ini masih terdapat pelajar yang tidak tahu menentukan penggunaan kata sendi nama yang betul semasa menulis karangan hingga menjejaskan karangan yang ditulis. Nor Ain Nor Azman dan Nur Farakhanna Mohd Rusli (2020) dalam kajiannya faktor penguasaan tatabahasa yang lemah menyebabkan karangan yang dihasilkan tidak mempunyai bahasa yang gramatis.

Selain itu, faktor tahap kognitif antara pelajar yang berbeza juga menyebabkan hasil karangan yang ditulis turut berbeza. Contohnya, antara pelajar lemah dan pelajar cemerlang mempunyai tahap kompetensi kemahiran menulis yang berbeza. Rozana Jaafar dan Zamri Mahamod (2020) menyatakan majoriti murid cemerlang tahu untuk menulis karangan dengan baik kerana mereka tahu untuk menggunakan pelbagai strategi pembelajaran kemahiran menulis bagi meningkatkan motivasi dan kompetensi kemahiran menulis..

#### **4.2 Kepentingan Penguasaan Kemahiran Menulis**

Fikri dan Zamri (2019) mencadangkan bahawa antara elemen pengajaran bahasa Melayu ialah kecekapan dalam penulisan. Oleh itu, murid-murid dibimbing untuk mempelajari kemahiran menulis secara sedikit demi sedikit iaitu dari penulisan abjad, kata, frasa sehingga mampu untuk menulis satu wacana yang lengkap. Jelaslah bahawa penguasaan kemahiran menulis yang baik amat dititikberatkan dalam kemahiran bahasa. Kenyataan ini dapat membuktikan bahawa kemahiran menulis ini merupakan kemahiran bahasa yang amat penting kerana ia boleh memberi impak kepada tahap pencapaian seseorang pelajar.

Nur Shakira dan Muhammad Saiful (2016), pelajar yang mempunyai kemahiran bahasa yang lemah akan mengalami kesan negatif terhadap prestasi akademik mereka kerana bahasa berfungsi sebagai alat untuk memperoleh ilmu. Menulis melibatkan pelbagai tugas rumit yang membolehkan individu menyampaikan fikiran mereka dengan berkesan kepada pembaca.

(Tiong Yoke Nee & Muhammad Syawal Amran, 2021). Oleh itu, penguasaan kemahiran bahasa yang baik menjadi satu kepentingan untuk setiap pelajar kerana ia menjadi medium penguasaan ilmu. Menurut Muhammad Saiful (2017), pemerolehan penguasaan bahasa mempunyai kepentingan yang besar kepada pelajar kerana ia mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Hal ini disebabkan oleh fakta yang menyatakan bahawa bahasa berfungsi sebagai saluran untuk memperoleh pengetahuan.

Kemahiran menulis bukan sahaja menjadi kemahiran bahasa penting di peringkat rendah dan menengah, tetapi kemahiran menulis tetap menjadi kemahiran bahasa yang penting apabila berada di institusi pengajian tinggi. Pelajar di universiti sangat bergantung pada kemahiran menulis kerana mereka sering dinilai melalui pelbagai bentuk tafsiran seperti esei, kerja kursus dan peperiksaan akhir semester yang menggunakan penulisan esei (Yuzanaili binti Saleh, 2020). Oleh itu, jelaslah bahawa penguasaan kemahiran menulis yang baik amat penting untuk digunakan sepanjang kehidupan bermula dari peringkat rendah hingga ke peringkat tertinggi.

Ketidakupayaan murid untuk menulis karangan turut dilaporkan dalam laporan yang konsisten oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia antaranya ialah jawapan calon yang tidak berkualiti, struktur ayat yang tidak gramatis, huraian murid yang tidak menggambarkan penguasaan idea yang baik dan tiada kemahiran menjalin idea antara perenggan (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2019). Kenyataan ini diteruskan dengan dapatan Avralinetine Epin dan Nurfaradilla Mohamad Nasri (2021) yang menyatakan terdapatnya ketidakcekapan kemahiran menulis adalah tinggi berdasarkan karangan-karangan yang dihasilkan oleh murid di sekolah.

## **5. Metodologi Kajian**

### **5.1 Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif berbentuk deskriptif iaitu menggunakan borang soal selidik untuk mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar di kolej vokasional untuk menulis karangan yang berkualiti. Bagi melaksanakan kajian ini, pengkaji telah memilih kaedah kuantitatif kerana kaedah dapat menghuraikan sesuatu perkara secara menyeluruh dan holistik untuk membantu penyelidik memahami fenomena secara lebih terperinci tanpa manipulasi. Penyelidikan kuantitatif ini juga boleh digunakan untuk membina pemahaman makna yang dibina oleh manusia, iaitu cara manusia membina makna dan pengalaman (Merriam, 2009). Oleh itu, kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif berbentuk deskriptif dengan reka bentuk tinjauan.

### **5.2 Populasi dan Sampel Kajian**

Seramai 80 orang pelajar Sijil Vokasional Malaysia tahun 2 daripada sebuah kolej vokasional di Malaysia telah dipilih berdasarkan teknik persampelan bertujuan atau *purposive sampling*. Pengkaji menggunakan kaedah persampelan bertujuan atau *purposive sampling* dalam pemilihan populasi berdasarkan beberapa kriteria yang digariskan seperti berikut; (i) pelajar tahun 2 sahaja. (ii) mempunyai tahap pencapaian rendah dalam pentaksiran semester 1 dan semester 2. Selain itu, faktor mudah untuk akses juga menjadi faktor pengkaji memilih kolej vokasional ini.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian yang dihasilkan ini merupakan adaptasi daripada instrumen yang telah dibina oleh Siti Zaherah Abd Rahman, Rozita Radhiah Said dan Marzni Mohamed Mokhtar (2021) dan diubah suai untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pelajar kolej vokasional untuk menulis karangan dengan baik.

Instrumen kajian yang digunakan adalah borang soal selidik. Dalam soal selidik yang telah diadaptasi dan diubah suai ini mengadungi dua bahagian iaitu Bahagian A: Demografi Responden dan Bahagian B(i): Faktor Pengajaran dan Pembelajaran, Bahagian B(ii): Faktor Individu dan Bahagian B(iii): Faktor Persekitaran. Semua soal selidik yang terdapat dalam instrumen kajian ini akan ditentukan melalui Skala Likert 4 Mata.

**Jadual 1: Bilangan item bagi setiap bahagian soal selidik.**

Bahagian	Aspek Kajian	Bilangan Item
Bahagian A	Demografi Responden	3 item
Bahagian B(i)	Faktor Pengajaran dan Pembelajaran	6 item
Bahagian B(ii)	Faktor Individu	6 item
Bahagian B(iii)	Faktor Persekitaran	4 item

**Jadual 2: Interpretasi skor min**

Skor Min	Tahap
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Sumber: Pallant (2010)

## 6. Dapatan Kajian

Dapatan kajian bagi Bahagian A mengandungi maklumat mengenai jantina, bangsa dan gred pencapaian kertas pentaksiran akhir bahasa Melayu semester 1 dan semester 2. Semua dapatan ini akan dihuraikan secara deskriptif seperti kekerapan, peratusan, min dan nilai sisihan piawai.

### 6.1 Maklumat Demografi Sampel Kajian

Seramai 80 orang pelajar yang memperoleh gred C dan D dalam kertas peperiksaan bahasa Melayu semester 3 dijadikan sebagai responden kajian ini. Semasa kajian ini dijalankan, responden kajian baru sahaja berada di semester 3 setelah menduduki pentaksiran akhir di semester 1 dan semester 2. Oleh itu, pengkaji membahagikan pelajar mengikut jantina, bangsa dan gred pencapaian semester 1 dan semester 2

**Jadual 3: Jantina Sampel Kajian**

Jantina	Bilangan (f)	Peratus (%)
Lelaki	65	81.25
Perempuan	15	18.75
<b>Jumlah</b>	<b>80</b>	<b>100</b>

Berdasarkan Jadual 3, seramai 65 orang (81.25%) responden terdiri daripada lelaki, manakala seramai 15 orang (18.75%) lagi responden adalah pelajar perempuan. Terdapat perbezaan yang ketara antara resppnden lelaki dan perempuan, namun 98% pelajar di kolej ini terdiri daripada pelajar lelaki berdasarkan kos pengajian yang lebih dominan kepada keperluan pelajar lelaki.

**Jadual 4: Bangsa Sampel Kajian**

Bangsa	Bilangan (f)	Peratus (%)
Melayu	75	93.75
India	5	6.25
Cina	0	0
Lain-lain	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>80</b>	<b>100</b>

Berdasarkan Jadual 4, majoriti responden kajian terdiri daripada bangsa Melayu. Seramai 75 orang pelajar (93.75%) ialah bangsa Melayu, 5 orang (6.25%) bangsa India manakala bagi bangsa Cina dan lain-lain hanya 0%.

**Jadual 5: Gred Pencapaian Pentaksiran Akhir Bahasa Melayu Semester 1**

Gred	Bilangan (f)	Peratus (%)
C	76	95.0
D	4	5.0
<b>Jumlah</b>	<b>80</b>	<b>100</b>

Jadual 5 menunjukkan bilangan pelajar yang memperoleh gred C- dan D dalam subjek Bahasa Melayu bagi semester 1. Seramai 76 orang (95.0%) pelajar yang memperoleh gred C dan seramai 4 orang pelajar (5.0%) memperoleh gred D. Kedua-dua gred ini ialah gred pencapaian yang tidak memuaskan dan rendah bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Sijil Vokasional Malaysia.

**Jadual 6: Gred Pencapaian Pentaksiran Akhir Bahasa Melayu Semester 2**

Gred	Bilangan (f)	Peratus (%)
C	70	87.5
D	10	12.5
<b>Jumlah</b>	<b>80</b>	<b>100</b>

Jadual 6 menunjukkan bilangan pelajar yang memperoleh gred C dan D dalam subjek Bahasa Melayu bagi semester 1. Seramai 70 orang (87.5%) pelajar yang memperoleh gred C dan seramai 10 orang pelajar (12.5 %) memperoleh gred D. Kedua-dua gred ini ialah gred pencapaian yang tidak memuaskan dan rendah bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Sijil Vokasional Malaysia.

## 6.2 Dapatan Kajian

Jadual 4,5,6,7 dan 8 yang seterusnya akan mengulas dapatan kajian berdasarkan nilai min dan sisihan piawai (SP) bagi setiap pemboleh ubah yang dikaji. Terdapat tiga faktor yang dikaji dalam kajian ini iaitu pengajaran dan pembelajaran, individu dan persekitaran yang akan dikenal pasti yang menjadi faktor utama permasalahan dan cabaran dalam penulisan karangan pelajar yang memperoleh gred rendah.

### 6.2.1 Nilai Min dan Sisihan Piawai Keseluruhan Pemboleh Ubah Kajian

Terdapat tiga faktor yang dikaji menjadi masalah dalam penguasaan penulisan karangan yang menyebabkan pencapaian rendah pentaksiran akhir kertas bahasa Melayu semester 3. Faktor pengajaran dan pembelajaran, individu dan persekitaran dikaji untuk menentukan faktor tertinggi yang menjadi punca masalah dalam kalangan pelajar semester 3 di Kolej Vokasional Setapak.

**Jadual 7: Skor Min Keseluruhan Pemboleh Ubah Kajian**

Pemboleh ubah kajian	Min	Sisihan Piawai
Pengajaran dan Pembelajaran	1.99	1.034
Individu	2.31	0.954
Persekitaran	2.33	0.965

Jadual 7 menunjukkan skor min keseluruhan bagi pemboleh ubah atau faktor masalah yang dikaji. Faktor persekitaran memperoleh nilai min tertinggi (M: 2.33, SP: 0.965), diikuti faktor



individu (M: 2.31, SP: 0.954) dan terakhir faktor pengajaran dan pembelajaran (M: 1.99, SP: 1.034). Dapatan awal menunjukkan bahawa responden kajian tidak mempunyai masalah yang ketara dalam pengajaran dan pembelajaran, namun faktor persekitaran seperti ibu bapa mempengaruhi masalah dalam pembelajaran.

## 6.2.2 Pengajaran dan Pembelajaran

Terdapat 6 pernyataan yang dibina untuk mengukur faktor pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas menjadi punca utama dalam pemerolehan gred rendah dalam pentaksiran bahasa Melayu. Huraian dapatan kajian berdasarkan nilai min dan sisihan piawai.

**Jadual 8: Skor Min dan Sisihan Piawai Pengajaran dan Pembelajaran**

Bil	Pernyataan	Min	SP
1	<b>Saya berasa kurang tertarik dengan pembelajaran di dalam kelas</b>	<b>2.38</b>	<b>1.408</b>
2	Saya sukar untuk memahami teknik penulisan karangan yang diajarkan	1.75	1.000
3	Saya sukar memahami penerangan guru	1.94	1.124
4	Saya berasa sukar untuk menulis perenggan pendahuluan	2.00	1.211
5	Saya berasa sukar untuk mengembangkan perenggan isi	1.88	1.025
6	Saya sukar untuk menulis perenggan penutup	2.00	1.317

Jadual 8 menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi pemboleh ubah pengajaran dan pembelajaran. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pernyataan ‘Saya berasa kurang tertarik dengan pembelajaran di dalam kelas’ memperoleh nilai min tertinggi (M: 2.38, SP: 1.408) berbanding pernyataan yang lain. Manakala pernyataan ‘Saya sukar untuk memahami teknik penulisan karangan yang diajarkan’ mendapat nilai min terendah (M: 1.75, SP: 1.000) yang membuktikan bahawa para pelajar tidak mengalami masalah untuk memahami teknik penulisan yang digunakan oleh guru di dalam kelas.

## 6.3 Individu

Terdapat 6 pernyataan yang dibina untuk mengukur faktor individu di dalam kelas menjadi punca utama dalam pemerolehan gred rendah dalam pentaksiran bahasa Melayu. Huraian dapatan kajian berdasarkan nilai min dan sisihan piawai.

**Jadual 9: Skor Min dan Sisihan Piawai Pemboleh Ubah Individu**

Bil	Pernyataan	Min	SP
1	Saya tidak minat menulis karangan	2.06	1.237
2	Saya kurang yakin menulis karangan kerana mempunyai kemahiran bahasa yang lemah	2.38	1.147
3	<b>Saya berasa tidak bersemangat belajar menulis karangan</b>	<b>2.69</b>	<b>1.195</b>
4	Saya sengaja tidak menyiapkan latihan karangan	1.94	1.181
5	Saya sukar bertutur dengan baik dalam bahasa Melayu	2.38	1.147
6	Saya berasa sukar menulis dalam bahasa Melayu	2.44	1.209

Jadual 9 menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi pemboleh ubah faktor individu. Hasil dapatan kajian menunjukkan item ‘Saya berasa tidak bersemangat belajar menulis karangan’ memperoleh nilai min tertinggi berbanding item soalan yang lain (M: 2.69, SP: 1.195). Manakala item soalan ‘Saya berasa sukar menulis dalam bahasa Melayu’ memperoleh nilai min kedua tertinggi (M: 2.44, SP: 1.209). Item soalan ‘Saya sengaja tidak menyiapkan latihan karangan’ memperoleh nilai min paling rendah (M: 1.94, SP: 1.181) yang membuktikan bahawa responden kajian masih membuat latihan karangan yang diberikan oleh guru walaupun berasa tidak bersemangat untuk belajar menulis karangan.

## 6.4 Persekitaran

Terdapat 4 pernyataan yang dibina untuk mengukur faktor persekitaran di dalam kelas menjadi punca utama dalam pemerolehan gred rendah dalam pentaksiran bahasa Melayu. Huraian dapatan kajian berdasarkan nilai min dan sisihan piawai.

**Jadual 10: Skor Min dan Sisihan Piawai Faktor Persekitaran**

Bil	Pernyataan	Min	SP
1	Saya berasa tidak selesa ketika sesi pembelajaran kerana terlalu bising	2.13	1.258
2	Saya mudah terpengaruh dengan rakan yang malas belajar	2.44	1.094
3	Saya berasa mengantuk ketika waktu kelas bahasa Melayu – waktu tengahari	2.06	1.124
4	<b>Saya kurang mendapat perhatian dari ibu bapa dalam pelajaran</b>	<b>2.69</b>	<b>1.078</b>

Jadual 10 menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi faktor persekitaran. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pernyataan ‘Saya kurang mendapat perhatian dari ibu bapa dalam pelajaran’ berbanding pernyataan yang lain (M: 2.69, SP: 1.078). Pernyataan ‘Saya mudah terpengaruh dengan rakan yang malas belajar’ memperoleh nilai min kedua tertinggi (M: 2.44, SP: 1.094) manakala pernyataan ‘Saya berasa mengantuk ketika waktu kelas bahasa Melayu-waktu tengahari’ memperoleh nilai min paling rendah (M: 2.06, SP: 1.124) yang menunjukkan bahawa jika para pelajar belajar penulisan karangan ketika waktu tengahari tidak mengganggu minat dan tidak menyebabkan mereka berasa mengantuk.

## 7. Perbincangan dan Cadangan

Item soalan yang memperolehi min tertinggi pada faktor pengajaran dan pembelajaran berkaitan dengan suasana pembelajaran yang tidak seronok akan menyebabkan para pelajar mudah berasa bosan yang akan menyebabkan masalah dalam penulisan karangan. Pemilihan kaedah pengajaran yang menarik dan sesuai semasa pembelajaran penulisan karangan akan memberikan impak yang positif kepada para pelajar. Kajian Abdul Rasid Jamian (2001) menunjukkan bahawa faktor teknik guru menyumbang kepada kelemahan penguasaan menulis. Menurut Che Zanariah (2011), salah satu faktor yang berkaitan dengan pencapaian penulisan pelajar yang lebih tinggi ialah penggunaan teknik pengajaran yang sesuai dan cekap.

Selain itu, faktor individu sendiri juga menjadi penyumbang kepada permasalahan dan cabaran dalam pencapaian penulisan karangan. Hal ini kerana, sikap yang negatif dalam diri pelajar akan mempengaruhi minat yang menjadi punca kepada seseorang pelajar berasa tidak bersemangat untuk meneruskan pembelajaran. Hal ini kerana, tanggapan negatif seperti penulisan karangan ini menyusahkan dan sukar untuk memperolehi gred cemerlang menyebabkan para pelajar berputus asa untuk meneruskan pembelajaran penulisan karangan. Menurut Izny Atikah (2012), sesetengah murid mempunyai mentaliti tertutup terhadap sesuatu mata pelajaran kerana mereka tidak berminat dengannya. Akibatnya, elemen peribadi seperti ciri-ciri pelajar itu sendiri sudah pasti mempengaruhi pembelajaran kerana pelajar yang tidak berminat akan bergelut untuk menulis karangan dengan berkesan. Ini disebabkan bahawa menulis karangan memerlukan proses kognitif, yang kompleks. Selain itu, menurut Roselan Baki (2003), menulis merupakan satu proses yang rumit. Setiap pelajar mesti mahir dalam pelbagai kebolehan kognitif, seperti pemikiran kritis, kreatif dan inventif serta penaakulan. Di samping itu, isu ini diburukkan lagi dengan kelemahan pendidik, terutamanya dalam hal penggunaan teknik pengajaran.

Akhir sekali, masalah kurang mendapat perhatian daripada ibu bapa juga menjadi penyumbang kepada permasalahan pencapaian kertas bahasa Melayu. Setiap anak yang sedang meningkat



dewasa amat memerlukan perhatian dan sokongan daripada ibu bapa terutamanya Ketika menuntut ilmu pengetahuan. Emosi dan keperluan anak-anak perlulah dititik beratkan agar mereka berasa disayangi oleh ibu bapa dan terus semangat untuk meneruskan pembelajaran. Kenyataan ini seiring dengan Rossman dan Rea (2005) menyatakan iaitu anak-anak yang kurang bermasalah dan mempunyai pencapaian yang tinggi adalah disebabkan oleh gaya ibu bapa yang autoritatif.

Berdasarkan hasil dapatan kajian, pengkaji telah mengenal pasti permasalahan dan faktor yang menjadi punca kepada masalah pencapaian dalam subjek bahasa Melayu. Faktor persekitaran memperoleh nilai min tertinggi iaitu masalah kurangnya perhatian daripada ibu bapa menjadi sebab dominan kepada punca para pelajar mengalami masalah pembelajaran penulisan karangan yang menyebabkan pencapaian yang rendah dalam kertas bahasa Melayu. Hasil dapatan ini tidak sama dengan kajian yang dilakukan oleh Nurul Aisyah Abdullah, Zamri Mahamod dan Nor Azwa Hanum Nor Shaid (2016) yang menyatakan masalah bilik darjah yang bising mempengaruhi pembelajaran penulisan karangan bagi faktor persekitaran. Oleh itu, satu dapatan baharu telah dikenal pasti sendiri oleh pengkaji iaitu kurangnya perhatian dari ibu bapa. Peranan ibu bapa perlu dititikberatkan terutamanya dalam kalangan remaja yang sedang menginjak dewasa. Ibu bapa seharusnya memberikan perhatian yang sepenuhnya agar para pelajar lebih bersemangat untuk belajar. Perkara seperti ini amat penting dari sudut emosi dan motivasi diri pelajar itu sendiri untuk teruskan pembelajaran. Selain itu, pengkaji berpendapat bahawa guru memainkan peranan yang sangat penting untuk menarik minat pelajar semasa pembelajaran penulisan karangan. Guru perlu memilih kaedah pengajaran yang terkin dan seronok untuk digunakan sepanjang Pdpc bagi mengelakkan rasa mudah bosan, tidak tertarik dengan pembelajaran dan berupaya menarik minat murid untuk terus belajar meningkatkan kemahiran menulis.

## 8. Rumusan

Kesimpulannya, kajian-kajian yang dilaksanakan ini berkaitan dengan faktor-faktor kepada permasalahan dan cabarab para pelajar di Kolej Vokasional yang memperolehi gred rendah dalam kelas bahasa Melayu. Berdasarkan dapatan kajian ini, diharapkan agar para guru dapat mengenal pasti masalah utama yang menjadi faktor kepada kesukaran pelajar memperoleh gred yang baik dalam bahasa Melayu terutamanya dalam penulisan karangan agar pencapaian dan penguasaan pelajar dalam kemahiran menulis dapat ditingkatkan.

## Rujukan

- Abd. Aziz Abd. Talib. (2000). *Pedagogi bahasa Melayu: Prinsip, Kaedah dan Teknik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu pelajar-pelajar sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 1(1): 1-12.
- Che Zanariah Che Hassan & Fadzilah Abd Rahman. (2011). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Menulis di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1): 67-87.
- Dokumen Standard Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan 5. (2018). Kementerian Pendidikan Malaysia: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Hussin Sarif. (1999). *Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Pendekatan Komunikatif dalam Pengajaran Bahasa Melayu*. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

- Izny Atikah. (2016). Masalah Pembelajaran dan Pengajaran Di Bilik Darjah. <http://www.slideshare.net/iznyatikah/5masalah> [20 Februari 2016].
- Kamarudin Husin & Siti Hajar Abdul Aziz. (1997). Siri Pendidikan perguruan: Penguasaan Kemahiran Menulis. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Marohaini Yusoff & Zulkifli A. Manaf. (1997). Pengajaran Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Melayu di Sekolah Menengah: Satu Penilaian Kualitatif. *Pertanika Journal of Social Science & Humanities*, 5(2), 65–72.
- Marzni Mohame Mokhtar, Roselan Baku & Fadzilah Abd Rahman. (2014). Perspektif Kualitatif Guru Terhadap Pelaksanaan Amalan Pentaksiran dalam Pengajaran Kemahiran Menulis Karangan Argumentatif. *Jurnal Sains Humanika*, 2(4), ISSN: 2889-6996, 115-122.
- Mohd Majid Konting. (2005). Kaedah Penyelidikan Pendidik. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norfaizah Abdul Johar, Anida Sarudin & Idris Mohd Radzi. (2016). Analisis Metafungsi Bahasa dalam Karangan. *Jurnal Bahasa*, 16(2).
- Nur Shakirah Azizan & Muhammad Saiful Haq Hussin. (2017). Penguasaan Asas Membaca Bahasa Melayu Melalui Program Linus Di Utara Semenanjung Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu*, Vol. 28 (1), 135-163.
- Nurul Aini Omar & Siti Marziah Zakaria. (2018). Hubungan di Antara Gaya Keibubapaan dan Kecerdasan Emosi dengan Masalah Tingkah Laku Kanak-Kanak: Satu Sorotan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(3): 1-7.
- Noraini Idris. (2010). Penyelidikan dalam Pendidikan. Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.
- Roselan Baki. (2003). Pengajaran dan Pembelajaran Penulisan Bahasa Melayu. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Roselan Baki. (2003). Pengajaran dan Pembelajaran Penulisan Bahasa Melayu. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Yusfaiza Yusuff & Mohd Isha Awang. (2012). Aplikasi Pembelajaran Jigsaw Ii Dalam Pengajaran Penulisan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2 (2): 62-70.